



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M, 9, 10, 11, 14, 17 & 18, No. 1, Wisma Sunway,
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.



Tel : 03-5123 7333, 03-5123 7334, 03-5123 7335,
03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengaroh), 03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan), 03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399 (Kesihatan Awam), 03-5123 7402 (BKMM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj.Kami : JKNS/KA/EPID/130/09 Jld (10)

Tarikh : 31 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN




Tuan / Puan,

PERINGATAN BAGI MENOTIFIKASI KES-KES PENYAKIT BERJANGKIT FOMEMA MENURUT AKTA PENCEGAHAN & PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (AKTA 342)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Suatu mesyuarat bersama antara Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan FOMEMA Sdn. Bhd. yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), telah diadakan pada 9 Disember 2019 bagi membincangkan isu pemerkasaan program saringan penyakit berjangkit di kalangan pekerja warga asing yang dijalankan oleh FOMEMA Sdn. Bhd.
3. Hasil mesyuarat berkenaan telah memutuskan untuk memperkemas penguatkuasaan Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), khususnya melibatkan **notifikasi** kes-kes penyakit berjangkit yang didiagnosa oleh Pengamal Perubatan Swasta yang menjadi panel kepada FOMEMA Sdn. Bhd. Hal ini kerana, masih terdapat sebilangan kes penyakit berjangkit di kalangan pekerja warga asing yang diinput dalam sistem e-Fomema, tetapi **tidak dinotifikasi** kepada Pejabat Kesihatan Daerah melalui sistem e-Notifikasi. Pemerkasaan penguatkuasaan ini adalah bagi membolehkan program surveilan, kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit melibatkan pekerja warga asing dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat.

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

PERINGATAN BAGI MENOTIFIKASI KES-KES PENYAKIT BERJANGKIT FOMEMA MENURUT AKTA PENCEGAHAN & PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (AKTA 342)


4. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor **MEWAJIBKAN** setiap kes FOMEMA yang didiagnosa sebagai penyakit berjangkit untuk dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat menggunakan Sistem e-Notifikasi. Dan bermula Januari 2020, pengamal-pengamal perubatan swasta yang tidak melakukan notifikasi akan diambil tindakan, termasuk tindakan kompon sebagaimana yang termaktub dalam akta yang dimaksudkan.

5. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung terus kepada **Dr Noriah Binti Ismail** di talian **03-51237320/ Dr. Muhammad Haikal Bin Ghazali** di talian **03-51237322**. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



DR. FAIZAL BIN MAT ARIFIN
(MMC. NO. 40199)
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

DATO' DR KHALID BIN IBRAHIM (MPM : 26237)

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Salinan kepada :-

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
3. Ketua Unit Kawalan Penyakit Berjangkit,
Bahagian Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
4. Ketua Unit Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.



PERINGATAN BAGI MENOTIFIKASI KES-KES PENYAKIT BERJANGKIT
FOMEMA MENURUT AKTA PENCEGAHAN & PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT 1988 (AKTA 342)

SENARAI EDARAN

Semua Hospital & Klinik di Negeri Selangor (dalam senarai CKAPS).

